

PEMBANGUNAN KERANGKA MODEL METODOLOGI PENDAKWAH  
DALAM PROSES PENGAJARAN AGAMA KEPADA ORANG KELAINAN  
UPAYA (OKU) PENGLIHATAN DI PERTIS

MOHAMAD ADIB BIN MOHAMAD SALIH

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Doktor Falsafah Sains

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SEPTEMBER 2021

## DEDIKASI

*Khas Buat Ayahanda Allahyarham Mohamad Salih Bin Sarmin, Semoga  
Dikumpulkan bersama Orang-orang yang Soleh Di Syurga, amin.*

*Yang Disayangi Bonda Asiah Binti Alies, yang Selalu Memberi Perangsang,  
Dorongan dan Sokongan Kepada Anakanda, Semoga Bonda Sentiasa di dalam  
Rahmat Allah SWT.*

*Dan Yang Teristimewa Isteriku, Wan Ainaa Mardhiah Binti Wan Zahari, Yang  
Menjadi Peneman dan Pendamping Ketika Susah dan Senang, Hanya Allah SWT  
Sahaja yang dapat Membalas Curahan Kasih yang Diberikan.*

*Buat Anak-anakku Muhammad Nukman, Muhammad Naufal, Muhammad Nafees  
dan Muhammad Nasai'e yang Menjadikan Hari-Hari Yang Berlalu Dengan Telatah  
dan Keriangan, Semoga Menjadi Anak-anak Yang Soleh dan Bermanfaat Untuk  
Agama dan Negara.*

*Tidak Lupa Kepada Ummi dan Abah, Ingatan Ikhlas dan Nasihatmu Akan Menjadi  
Bekalan Untuk Hari Mendatang.*

*Abang, kakak dan adik serta ipar duai yang banyak memberi sokongan untuk  
menyiapkan kajian ini sehingga akhirnya.*

*Terima kasih.*

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

Alhamdulillah, segala pujian ke hadrat Ilahi serta selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan limpah izin-Nya, maka saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya setelah melalui pelbagai onak dan duri. Alhamdulillah terasa sebuah nikmat yang cukup bermakna yang tidak terhingga apabila dapat menyiapkan kajian ini.

Kejayaan ini adalah berkat dan bantuan daripada semua pihak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh yang demikian, dengan rasa rendah diri dan tulus ikhlas, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia utama sepanjang menjalani kehidupan sebagai pelajar di UTHM, YBhg Dr. Intan Farhana Binti Saparudin. Beliau tidak jemu-jemu mendidik dan membimbing tanpa mengira masa, tempat dan situasi sejak awal mendaftarkan diri sebagai pelajar di bawah penyeliaan beliau. Malah, sentiasa mengejutkan saya apabila lena dalam dunia sendiri. Segala jasa baik dan budi yang diberikan oleh beliau amat saya hargai dan sanjungi.

Rangkaian ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada YBhg Dr. Zulkefli bin Aini daripada UKM selaku penyelia bersama yang telah bertungkus-lumus memberi tunjuk ajar dan nasihat sepanjang pengajian ini. Segala perkongsian ilmu yang diberikan serta kesabaran yang ditunjukkan oleh beliau sepanjang penyelidikan ini terlalu berharga. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan di UTHM, Dekan, Ketua Jabatan, pensyarah Pengajian Islam PPUK dan para pensyarah FPTV serta pensyarah daripada USIM kerana memberikan curahan ilmu sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini.

## ABSTRAK

Pendakwah sering menggunakan teknik dan kaedah yang sama apabila berdakwah kepada golongan OKU walaupun terdapat perbezaan dari sudut penerimaan dan penyampaian maklumat. Kelemahan pendakwah dalam menguasai metodologi dakwah juga menyebabkan usaha dakwah menemui kegagalan. Selain itu, faktor yang mempengaruhi kegagalan dakwah adalah seperti tiada latihan khusus untuk membimbing OKU, tiada panduan yang betul dan menggunakan pendekatan sendiri ketika mengajar. Oleh sebab itu, berlaku pengabaian dalam kalangan OKU penglihatan terhadap tanggungjawab agama kerana kurang pengetahuan dan penghayatan agama sehingga mempengaruhi kualiti kehidupan. Kajian ini bertujuan menganalisis proses pelaksanaan dakwah, mengkaji metodologi pendakwah terhadap OKU penglihatan dalam proses pengajaran agama dan meneroka kesan dakwah yang terbentuk dalam kalangan OKU penglihatan di PERTIS. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Sejumlah dua belas informan terlibat diwakili oleh ahli jawatankuasa PERTIS, pendakwah bertauliah dan OKU penglihatan. Data dikumpul melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian mendapati pelaksanaan dakwah memerlukan persediaan dari aspek pra pengajaran iaitu kesesuaian modul dan pengetahuan latar belakang peserta. Pendakwah yang terlatih dapat menguasai prinsip sebagai pendakwah, dan kemahiran interaksi dengan OKU penglihatan. Semasa proses pengajaran, metodologi pendakwah telah dikategorikan kepada dua aspek utama iaitu kepimpinan dalam pengajaran dan metodologi pengajaran pendakwah. Kepimpinan pengajaran merangkumi kepimpinan prihatin, pembinaan motivasi dan pembangunan akhlak. Manakala, metodologi pengajaran pendakwah merangkumi pengukuhan kefahaman, penyampaian berkesan dan pembelajaran berfokus. Kesan pelaksanaan dakwah telah membentuk akhlak mulia, membina pengetahuan, mengukuhkan jati diri dan menjalin ikatan dengan pendakwah. Kajian ini juga telah mencadangkan satu kerangka model metodologi pendakwah sebagai satu panduan dalam mempelbagaikan kaedah penyampaian dan pelaksanaan dakwah kepada OKU penglihatan.

## ABSTRACT

Preachers often use the same techniques and metodes when preaching to the disabled even though there are differences in terms of receiving and delivering information. The weakness of the preacher in mastering the methodology of da'wah also led to da'wah efforts encountering failures. Besides that, the factors that influence the failure of da'wah such as no specific training to guide the disabled, no proper guidance and using their own approach when teaching. Therefore, there is neglect among the visually impaired towards religious responsibilities due to weak knowledge and appreciation of religion that affects the quality of life. This study aims to analyze the implementation process of da'wah, study the methodology of da'wah for the visually impaired in the process of religious teaching and explore the impact of da'wah formed at PERTIS. This study is a qualitative study using a case study design. A total of twelve informants involved were represented by PERTIS committee members, certified preachers and the visually impaired. Data were collected through interview, observation and document analysis. Data were analyzed using thematic analysis methods to answer the research questions. The results was show, the implementation of da'wah, requires the aspects of pre-teaching, the suitable of the module and knows background of the participants. Trained preachers can master the principles of being a preacher, and the skills of interaction with the visually impaired. During the teaching process, the preacher's methodology is categorized into two main aspects related to leadership in teaching and the preacher's learning methodology. Instructional leadership encompasses caring leadership, motivation building and moral development. Meanwhile, the preacher's learning methodology includes strengthening understanding, effective delivery and focused learning. The effect of the implementation of da'wah has formed noble morals, knowledge, strengthened identity and forged ties bond with the preacher. This study has proposed a learning model framework as a guide in diversifying the methods of delivery and implementation of preaching to the disabled.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang kajian	3
	1.3 Penyataan masalah	7
	1.4 Tujuan kajian	11
	1.5 Objektif kajian	11
	1.6 Persoalan kajian	11
	1.7 Batasan kajian	12
	1.8 Kepentingan kajian	13
	1.8.1 Merangka metode pendakwah terhadap OKU penglihatan	13

1.8.2	Memahami keperluan dakwah kepada OKU penglihatan	14
1.8.3	Membantu meningkatkan penghayatan agama OKU penglihatan	15
1.9	Definisi istilah	15
1.9.1	Metodologi dakwah	16
1.9.2	Pendakwah	17
1.9.3	Proses pengajaran agama	17
1.9.4	Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan	18
1.10	Susun atur bab	18
1.11	Kesimpulan	20
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
2.1	Pengenalan	21
2.2	Metodologi dakwah menurut surah an-Nahl 125	21
2.2.1	Al-Hikmah	22
2.2.2	Al-Mauizatul hasanah	25
2.2.3	Al-Mujadalah bil ahsan	27
2.3	OKU Penglihatan sebagai sasaran dakwah	29
2.3.1	Dalil al-Quran tentang buta	29
2.3.2	Cabaran OKU dalam menghayati Islam	32
2.3.3	Kesan pelaksanaan dakwah kepada OKU penglihatan	43
2.4	Pendakwah dan peranannya terhadap OKU penglihatan	47
2.4.1	Prinsip-prinsip asas sebagai pendakwah	47
2.4.2	Interaksi pendakwah dengan sasaran dakwah	51
2.4.3	Kemahiran pengajaran terhadap OKU	55

2.5	Metodologi dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran	57
2.5.1	Metode dakwah OKU	57
2.5.2	<i>Uslub</i> dakwah OKU	69
2.6	Kajian lepas berkaitan OKU dalam konteks metodologi dakwah	78
2.7	Kerangka konseptual kajian	82
2.8	Kesimpulan	86
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>87</b>
3.1	Pengenalan	87
3.2	Reka bentuk kajian	87
3.3	Prosedur pemilihan infoman	88
3.4	Instrumen kajian	91
3.4.1	Kaedah temu bual	92
3.4.2	Kaedah pemerhatian	95
3.4.3	Kaedah pengumpulan dokumen	96
3.5	Proses pengumpulan data kajian	97
3.5.1	Peringkat persediaan	97
3.5.2	Kajian rintis	98
3.5.3	Kajian sebenar	99
3.6	Kaedah analisis dapatan kajian	101
3.7	Kebolehpercayaan dan kesahan	105
3.7.1	Kebolehpercayaan ( <i>Reliability</i> )	106
3.7.2	Kesahan ( <i>Validity</i> )	106
3.8	Triangulasi data	108
3.9	Kesimpulan	109



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH



<b>BAB 4</b>	<b>KAJIAN KES : PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS)</b>	<b>110</b>
4.1	Pengenalan	110
4.2	OKU Penglihatan	110
4.2.1	Definisi cacat penglihatan	111
4.2.2	Masalah penglihatan	115
4.2.3	Faktor penyebab cacat penglihatan	117
4.2.4	Polisi dan dasar kerajaan	121
4.3	Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)	122
4.3.1	Sejarah penubuhan PERTIS	123
4.3.2	Matlamat penubuhan PERTIS	125
4.3.3	Aktiviti dakwah yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran agama	127
4.3.4	Pengajaran agama di PERTIS	128
4.4	Kesimpulan	130
<b>BAB 5</b>	<b>ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>131</b>
5.1	Pengenalan	131
5.2	Analisis dapatan kajian	131
5.2.1	Objektif kajian satu: Menganalisis proses pelaksanaan dakwah yang diamalkan dalam kelas agama	131
5.2.2	Objektif kajian dua: Mengkaji metodologi pendakwah yang diterapkan dalam pengajaran agama kepada OKU penglihatan	146
5.2.3	Objektif kajian tiga: Meneroka kesan dakwah yang terbentuk dalam kalangan OKU	180



	penglihatan terhadap kaedah pengajaran yang digunakan pendakwah	
5.2.4	Objektif kajian empat: Mencadangkan kerangka model metodologi pendakwah dalam proses pengajaran agama kepada OKU penglihatan	199
5.3	Perbincangan dapatan kajian	202
5.3.1	Proses pelaksanaan pengajaran agama	203
5.3.2	Metodologi pendakwah dan kesannya terhadap OKU penglihatan	206
5.4	Kesimpulan	210
<b>BAB 6</b>	<b>PENUTUP DAN CADANGAN</b>	<b>211</b>
6.1	Pengenalan	211
6.2	Rumusan kajian	211
6.3	Implikasi kajian	213
6.3.1	Implikasi terhadap teori dan konsep dakwah OKU	213
6.3.2	Implikasi terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran agama OKU penglihatan	214
6.3.3	Implikasi terhadap pendakwah	215
6.3.4	Implikasi terhadap OKU penglihatan	216
6.4	Cadangan dan saranan	216
6.4.1	Cadangan membangunkan model pengajaran pendakwah	216
6.4.2	Cadangan terhadap organisasi cacat penglihatan	217
6.4.3	Cadangan pengukuhan di peringkat institusi agama	217



6.4.4	Cadangan kepada penyelidik dalam bidang dakwah OKU	218
6.5	Cadangan kajian lanjutan	218
6.6	Kesimpulan	218
	<b>RUJUKAN</b>	<b>220</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>236</b>
	<b>PENERBITAN</b>	<b>279</b>
	<b>VITA</b>	<b>280</b>



**PTTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI JADUAL**

3.1	Senarai dan latar belakang informan	90
4.1	Tahap kategori OKU penglihatan	116



**SENARAI RAJAH**

2.1	Kemahiran pengajaran terhadap golongan OKU	55
2.2	Metode dakwah OKU	58
2.3	Adaptasi daripada <i>uslub</i> dakwah	70
2.4	Kerangka konseptual kajian	94
3.1	Sumber pengumpulan data	92
3.2	Proses pengumpulan data kajian	102
3.3	Komponen analisis data: model 'Flow'	112
5.1	Proses yang terbentuk hasil dari pembelajaran agama	132
5.2	Proses pelaksanaan dakwah dalam kelas agama di PERTIS	145
5.3	Mengkaji metode pendakwah yang diterapkan kepada OKU penglihatan	179
5.4	Meneroka kesan dakwah yang terbentuk dalam kalangan OKU penglihatan	198
5.5	Cadangan model metode dakwah OKU penglihatan	213



PTAAUTHM  
BERKUALITI TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

DKMN	-	Dasar Kebajikan Masyarakat Negara
JKMM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LGBT	-	Lesbian Gay Bisexual Transeksual
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MAINJ	-	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MAIS	-	Majlis Agama Islam Selangor
NGO	-	Non-Government Organisations
OKU Penglihatan	-	Orang Kelainan Upaya Penglihatan
OKU	-	Orang Kelainan Upaya
PERKIM	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PERTIS	-	Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia
SAW	-	Sallallahu Alaihi Wa Salam
SWT	-	Subhanallahu Ta'ala



## SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	a	اسلوب	Uslub
ت	t	تكليف	Taklif
ح	h	حسنة	Hasanah
د	d	دعوة	Dakwah
ر	r	رحمة	Rahmat
ش	sh	شكر	Syukur
ص	s	صبر	Sabar
ظ	z	ظلال	Zilal
ع	‘	عبودية	Ubudiah
ق	q	قدوة	Qudwah
م	m	مدعو	Mad’u
م	m	مكلف	Mukalaf
م	m	مؤلف	Mualaf

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
A	Protokol temu bual	237
B	Surat kebenaran kajian	241
C	Pengesahan transkrip	247
D	Transkrip temu bual	253
E	Borang pemerhatian tidak berstruktur	271



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama bersifat *universal* yang diturunkan kepada manusia tanpa mengkhususkan kepada golongan atau kaum tertentu. Islam tidak hadir untuk menilai perbezaan pangkat, rupa, bangsa, harta, pengetahuan dan juga keturunan tetapi hadir sebagai sebuah agama yang sempurna. Bahkan Rasulullah SAW diutuskan sebagai *rahmatan lil alamin* untuk berdakwah kepada umat manusia sehingga ke hari kiamat (Abdul Karim Zaidan, 2001).

Rasullullah SAW berdakwah kepada kaumnya dengan pelbagai kaedah mengikut keperluan masyarakat ketika itu. Baginda adalah manusia yang agung dengan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT. Namun Baginda sentiasa berasa rendah diri dan menghormati serta mendahulukan hak orang lain berbanding dirinya. Baginda SAW menyebarkan agama Islam kepada umatnya yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan keadaan masyarakat seperti golongan bangsawan, sederhana, hamba termasuk juga golongan yang kurang upaya. Allah SWT berfirman dalam surah 'Abasa ayat 2-6:

أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى، وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكَّى، أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى، أَمَّا مَنْ أَسْتَعْتَى،  
فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى.

*Kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)!. Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran), Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya.*

Tafsir Ibnu Kathir menjelaskan bahawa pada surah 'Abasa ayat 2-6, Allah SWT mengingatkan Rasulullah SAW supaya melayani seorang buta yang datang kepada

Baginda untuk mendapatkan nasihat dan peringatan tentang Islam tetapi tidak diendahkan oleh Rasulullah SAW kerana sibuk melayani pembesar musyrikin Mekah (Ibnu Kathir, t.t.). Oleh sebab itu, terdapat pengajaran yang boleh diambil daripada kisah ini supaya sentiasa melayani mereka dengan baik walaupun tergolong dalam kategori orang kelainan upaya.

Manusia yang sempurna pancainderanya mempunyai kelebihan untuk menghayati agama Islam dengan baik dan sempurna. Mereka dapat mempelajari agama dan mengamalkannya tanpa mengira masa. Walaupun begitu, terdapat sekumpulan manusia yang mempunyai kekurangan daripada segi fizikal atau dianggap cacat pada pandangan manusia yang perlu diberi pendidikan agama kerana mereka juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ajaran Islam seperti orang lain (Hamzah, 2012).

Dalam menelusuri dakwah kepada orang berkeperluan khas khususnya golongan cacat penglihatan mempunyai cabaran dan ujian yang besar dalam mengamalkan agama. Hal ini dikatakan demikian kerana kehilangan pancaindera mata menyebabkan pergerakan mereka sangat terhad dan terbatas (Tengku Fatimah Muliana, 2016). Selain itu, mereka juga sering tersisih daripada pandangan masyarakat dan ada antara mereka yang menghadapi masalah tekanan jiwa dan emosi (Zuhda, 2011). Peranan masyarakat yang lemah dalam melayani golongan ini khususnya dalam memberi pendidikan agama banyak memberi kesan negatif dalam diri OKU penglihatan sehingga ada antara mereka mengabaikan kewajipan agama seperti meninggalkan solat fardu (Nurul Asmak Liana, Hamdi dan Tengku Intan Zarina, 2017).

Oleh itu, golongan cacat penglihatan tidak mempunyai alasan untuk mengabaikan tanggungjawab dalam melaksanakan ajaran Islam kerana mereka juga tergolong dalam kategori golongan mukalaf yang dipertanggungjawabkan untuk beribadah kepada Allah SWT. Keadaan OKU penglihatan yang boleh menerima ilmu dan maklumat melalui alat pendengaran membuktikan bahawa mereka juga tidak terkecuali untuk mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Oleh itu, bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan dalam kajian ini, pengkaji akan menjelaskan setiap isu yang akan menyokong permasalahan kajian dalam perbincangan seterusnya.

## 1.2 Latar belakang kajian

Isu OKU mula diberi perhatian sewajarnya oleh pihak antarabangsa sejak pengisytiharan Tahun Antarabangsa Orang Kurang Upaya pada tahun 1980 serta pelancaran "*The World Programme of Action Concerning Disabled Persons 1982*". Setelah pengisytiharan tersebut, Malaysia mengorak selangkah ke hadapan dengan memberi perhatian khusus terhadap masalah-masalah yang dialami oleh OKU termasuklah perkembangan sendiri dan persekitaran tempat tinggal (Zuhda, 2014). Susulan itu, kerajaan Malaysia telah mula memperkenalkan pelbagai polisi serta penggubalan akta OKU pada tahun 2008 bagi melindungi golongan ini daripada terus disisihkan melalui pelbagai bentuk program kerajaan. Malahan masyarakat dan komuniti setempat juga perlu menggalakkan dan mengalu-alukan penyertaan dan penglibatan OKU dalam program kemasyarakatan yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti kehidupan OKU (Sulaiman, 2008).

Langkah pengiktirafan OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat telah diambil peranan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun 2009 apabila pihak kementerian telah membentuk dasar baru iaitu Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN). Dasar ini berfungsi untuk mewujudkan masyarakat yang berdikari, menikmati peluang yang sama dan mengamalkan budaya saling menghormati. Melalui dasar ini, masyarakat mampu untuk saling membantu menerusi pelbagai program yang dibentuk. Sehubungan dengan itu, tujuan dasar ini juga dapat membantu golongan OKU untuk mendapatkan sokongan moral untuk mereka terus berkembang (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2009).

Selain itu, dasar OKU turut dibentuk bagi membantu memperjuangkan hak kesaksamaan dan peluang OKU untuk terus berada dalam sesebuah masyarakat. Antara dasar ini ialah menekankan kepada isu-isu berkaitan dengan hak-hak kemanusiaan iaitu kemuliaan, kehormatan dan kebebasan. Dasar ini telah digariskan bagi membolehkan golongan OKU hidup berdikari walaupun mempunyai kekurangan diri. Oleh itu, masyarakat dan penggerak masyarakat harus memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai hak OKU tersebut. Dalam memahami isu kesedaran hak OKU, Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Tinggi telah banyak memberi ruang pendidikan kepada golongan OKU dengan melaksanakan Pendidikan Inklusif dari peringkat rendah hingga pendidikan tinggi. Meskipun banyak

langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam memberi penekanan terhadap Pendidikan Inklusif, namun pencapaian Pendidikan Inklusif yang diwujudkan kerajaan masih belum boleh dibanggakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Golongan OKU merupakan golongan istimewa yang memerlukan khidmat dan sokongan daripada pelbagai pihak (JKM, 2018). Kajian Siti Hajar, Noralina, Abd Hadi dan Haris (2012) mendapati kebanyakan daripada golongan OKU disisihkan dalam pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, fasiliti dan pendidikan. Kesan daripada penyisihan tersebut, ramai dalam kalangan mereka yang menghadapi kesukaran untuk menjalani kehidupan yang baik dan berkualiti. Hal ini menyebabkan mereka sering mengalami tekanan hidup yang mengakibatkan masalah psikologi dan sukar bersosial dengan masyarakat (Didi Tarsidi, 2008; Norsaadah, Hasliza, Siti Zaleha dan Aqilah, 2017).

Perkara ini sering terjadi kepada mereka yang mengalami masalah cacat penglihatan kerana kesukaran mereka untuk bergerak dan menjalani kehidupan seperti manusia normal. Didi Tarsidi (2012) mendapati antara golongan OKU yang sering menghadapi masalah psikologi dan psikososial ialah mereka yang mengalami buta kekal akibat kemalangan pada usia dewasa. Mereka banyak menimbulkan masalah berbanding kecacatan yang terjadi pada awal kehidupan seperti mengalami tekanan, mempunyai persepsi diri tidak tepat, tahap motivasi rendah, rendah harga diri, dan kurang *self-efficacy* (Allan Doods, 1993). Mereka berasa tidak lagi berguna untuk meneruskan kehidupan sehingga menyebabkan ketidakmandirian dan tidak mampu mencapai kehidupan yang bermakna (Ab Aziz et al., 2009). Namun pada hakikatnya, Zuhda (2014) beranggapan tidak ramai yang menyedari bahawa OKU penglihatan bukan sahaja dibebani oleh pelbagai masalah yang melibatkan aspek luaran, tetapi juga daripada aspek kerohanian atau boleh disebut sebagai konflik dalaman. Bahkan, menurut Doods (1993) perubahan yang dialami dalam diri OKU penglihatan tersebut telah menimbulkan pelbagai persepsi yang tidak berasas sebagai contoh dalam kalangan keluarga juga ada yang menganggap keadaan tersebut sebagai malapetaka dan musibah yang menimpa bagi mereka.

Menurut Ab Aziz et al. (2009) OKU juga memerlukan perhatian dan penghargaan daripada masyarakat sekeliling khususnya ahli keluarga untuk meneruskan kehidupan yang baik seperti manusia normal. Namun, mereka tidak terkecuali daripada sering berhadapan dengan perasaan-perasaan yang membantutkan mereka untuk menjalani kehidupan normal seperti merasai diri membebankan,

memerlukan pertolongan dan sering tertekan dengan kehidupan apabila tidak mampu memenuhi keperluan diri (Didi Tarsidi, 2012). Oleh sebab itu, OKU penglihatan lebih suka mengasingkan diri daripada masyarakat dan cenderung untuk berinteraksi dan bergantung dengan kelompok yang sama dengan mereka. Keadaan ini berlaku kerana wujud jurang komunikasi antara masyarakat dengan mereka dan kurang usaha daripada pelbagai pihak untuk memahami kehendak dan keperluan mereka (Ab Aziz et al., 2009).

Realitinya golongan OKU ini masih berada dalam dilema dan konflik tentang diri mereka. Jika ditelusuri kehidupan OKU penglihatan, mereka juga berhasrat dan berkeinginan seperti manusia normal lain yang memerlukan pekerjaan, perkahwinan, keluarga, berdikari serta bersosial (Mohd Said & Arshad, 2010; Sulaiman, 2008). Malahan, menurut Zuhda (2014) golongan ini tidak mahu kelemahan diri yang dialaminya digunakan untuk menagih belas kasihan untuk memperolehi sesuatu tetapi ingin membuktikan bahawa mereka juga mampu untuk berdikari. Namun demikian, terdapat segelintir majikan yang tidak mahu mengambil mereka sebagai pekerja kerana kecacatan yang dialaminya menyukarkan untuk majikan memberikan pekerjaan yang sesuai kepada mereka. Terdapat faktor yang menghalang OKU penglihatan di Malaysia mendapatkan pekerjaan termasuklah sikap negatif dan diskriminasi ekoran kurangnya kesedaran mengenai keupayaan golongan tersebut (Rosli et al., 2015). Secara tidak langsung, hal ini memberikan kesan buruk kepada OKU tersebut kerana mereka tidak diberi peluang untuk bekerja. Oleh itu, ada antara mereka yang menjual tisu di jalanan kerana tiada peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka (Utusan, 2013).

Kebanyakan perkara berkaitan OKU penglihatan lebih tertumpu kepada perkembangan diri dalam konteks pekerjaan dan kemahiran. Namun, Zuhda (2014) berpendapat bahawa perkembangan lahiriah sahaja tidak memadai sekiranya masalah-masalah dalaman seperti psikologi, emosi dan jiwa serta penghayatan terhadap agama tidak diberi perhatian yang sebaiknya. Perkembangan dari sudut kerohanian seperti penghayatan agama perlu diberi perhatian kerana individu yang mempunyai jiwa dan rohani yang mantap akan sentiasa bersikap berlapang dada dan bersyukur dengan masalah-masalah yang dialaminya. Peranan golongan agamawan perlu dipertingkatkan dalam usaha memulihkan dari sudut kerohanian dengan mengajar mereka tentang ilmu agama walaupun sebahagian masyarakat masih lagi beranggapan

bahawa mereka yang digelar OKU mempunyai kelonggaran dalam melaksanakan ibadah (Adnan, Norakhyiree & Desi Suryani, 2017).

Kehidupan masyarakat Malaysia kini, terdapat banyak golongan minoriti yang memerlukan kepada usaha dakwah bersepadu, antaranya ialah golongan OKU seperti OKU penglihatan. Golongan ini dilihat sering dihantui oleh lingkaran cabaran yang berada di hadapan mereka kerana kurangnya keupayaan untuk melihat sehingga mempengaruhi proses kehidupan mereka. Oleh yang demikian, golongan OKU mudah menghadapi konflik dalam diri sekiranya sesuatu perkara terjadi di luar kawalan mereka. Mereka akan menyalahkan diri sendiri dan hidup dalam keadaan tidak kondusif dan efektif. Menurut Doods (1993) OKU penglihatan sering mengalami gangguan emosi seperti berasa tertekan, kurang motivasi serta rendah diri apabila terdapat tekanan atau konflik yang menekan dan mereka tidak dapat menanganinya. Hal ini turut disokong oleh Zuhda (2014), beliau menjelaskan OKU penglihatan tidak mampu mengatasi konflik ini disebabkan ketidakupayaan atau kecacatan yang menyebabkan mereka bertingkah laku dan bertindak secara negatif sehingga mempengaruhi kehidupan harian.

Bagi membantu golongan ini, terdapat badan NGO yang sudi membantu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Pelbagai usaha murni yang dilakukan khususnya NGO Islam dalam memberi bantuan kewangan, sokongan moral dan pelbagai lagi bantuan yang sesuai untuk OKU penglihatan. Namun, usaha ini masih tidak memadai berbanding badan agama lain yang lebih serius dalam membantu golongan ini. Malahan, turut dilaporkan terdapat golongan penggerak agama bukan Muslim yang sudi berkhidmat sepenuh masa untuk mengajar dan mendidik OKU. Perkara ini menunjukkan mereka amat prihatin terhadap golongan OKU. Statistik menunjukkan lebih 170 pusat kebajikan OKU dimiliki oleh orang bukan Islam pada tahun 2012 yang terdapat di Malaysia berbanding pusat kebajikan orang Islam (Sinar Harian, 2012). Sebagai contoh, kajian Nor Salimah (2013) mendapati program dan aktiviti kerohanian OKU anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Agama Terengganu (JHEAT) menunjukkan hampir tiada program yang dianjurkan secara khusus bertujuan untuk mengisi kerohanian OKU. Faktor utamanya ialah ketiadaan pembimbing dan kurang tumpuan daripada JKJ dan JHEAT. Sebaliknya, program yang sering dianjurkan adalah berbentuk syiar seperti pertandingan tilawah al-Quran, majlis berbuka puasa dan sambutan Maulidur Rasul.



Peranan pendakwah dalam memenuhi keperluan kerohanian OKU penglihatan melalui mesej-mesej keagamaan adalah satu bentuk elemen penting dalam mengajak mereka kepada agama. Menurut Zulkefli dan S. Salahudin (2014) pendakwah dianggap sebagai *psikologist* (kaunselor) bukan sahaja berperanan memindahkan ilmu pengetahuan dalam kalangan *mad'u*, bahkan peranan pendakwah lebih besar iaitu mengetahui keadaan dan situasi *mad'u* dalam membawa perubahan dalam diri mereka. Peranan pendakwah juga adalah untuk membantu memberi pandangan berdasarkan perspektif agama sama ada berkenaan pelaksanaan agama mahupun masalah kehidupan (Bakar & Abd Majid, 2016). Namun, menurut Ibtisam dan Abdullah (2019) gerak kerja dakwah boleh menjadi lemah sekiranya aspek kepimpinan gagal ditonjolkan oleh seorang pendakwah ketika berdakwah kerana kelemahan dalam menguasai aspek kepimpinan dapat memberi kesan dan perspektif yang negatif dalam kalangan *mad'u*.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ab. Aziz (2009) masih terdapat jurang antara pendakwah dan OKU khususnya dalam konteks menyantuni mereka dan beliau juga mencadangkan penambahbaikan mutu pengajaran dan pembelajaran bagi disesuaikan dengan kategori OKU. Pernyataan ini turut disokong oleh Siti Farhana dan Tengku Intan Zarina (2016) yang menyatakan bahwa kaedah pengajaran dan pembelajaran agama perlu diperbaiki dalam konteks penyampaian agama kepada golongan OKU. Bagi memastikan usaha dakwah kepada OKU mencapai tujuannya, Didi Tarsidi et al. (2017) menjelaskan usaha dakwah perlu menjadi mekanisme penting dalam membantu meningkatkan penghayatan agama dalam memperkasa nilai insan dalam diri OKU penglihatan melalui pendekatan kaunseling terhadap diri, pemikiran dan tingkah laku yang terarah kepada aspek keagamaan. Oleh itu, pendekatan dan kaedah yang digunakan seorang pendakwah dalam menyampaikan agama perlu mempunyai unsur-unsur insaniah terhadap mereka yang kurang berkemampuan.

### 1.3 Penyataan masalah

Dakwah yang berjaya perlu mempunyai strategi dan perancangan yang baik serta pelaksanaan yang cekap. Kejayaan seorang pendakwah dinilai berdasarkan kepada penerimaan golongan *mad'u* untuk mengamalkan nilai-nilai murni serta berubah kepada yang lebih baik. Menurut Al-Bayanuni (1995) sering kali dakwah menghadapi

tentangan daripada *mad'u* dalam pelbagai sudut sesuai dengan keadaan sesebuah masyarakat. Melalui kaedah pelaksanaan yang betul dapat menjamin keberhasilan tujuan dakwah tersebut. Dakwah yang dijalankan juga tidak boleh dilakukan dengan cara semberono kerana penggunaan metodologi yang salah akan menyebabkan berlakunya perkara yang tidak baik. Lantaran itu, para sarjana terdahulu banyak membincangkan berkaitan dakwah umum dan khusus kepada golongan tertentu seperti LGBT, remaja, saudara baru atau OKU kerana pentingnya usaha dakwah ini dijalankan dengan kaedah yang betul.

Dalam kajian ini, pemilihan OKU sebagai skop kajian adalah berdasarkan kepada isu yang dibangkitkan dalam kajian ini. Bagi melihat dengan lebih mendalam berkenaan konteks pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada golongan OKU, para pendidik sentiasa mencuba pelbagai kaedah dan teknik untuk disesuaikan dengan kategori OKU. Menurut Michael, McLinden, Ravenscroft, Douglas, Cobb dan Hewett (2017) dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, seorang pendidik mestilah mempunyai pengetahuan yang mantap, pemahaman dan kemahiran yang betul. Tambahan pula, pendidik gagal menguasai kemahiran komunikasi yang betul dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada OKU penglihatan. Malah menurutnya lagi, seorang pendidik seharusnya mempunyai sifat agen perubah atau dalam erti kata lain iaitu berkerja “bersama” dan “pengantara” kepada OKU penglihatan. Sifat tersebut mestilah merangkumi pengetahuan, pemahaman dan kemahiran yang khusus untuk mendidik OKU penglihatan yang memerlukan sokongan dan bimbingan.

Selain itu, menurut Abdul Karim Desa (1994) sekiranya seorang pendakwah atau guru lemah dalam menguasai pelbagai kaedah, teknik dan metode juga boleh menyebabkan kegagalan dalam proses pengajarannya khususnya bagi golongan OKU. Menurut Kocyigit dan Artar (2015) isu yang sering dibahaskan dalam pendidikan OKU adalah emosi dan pedagogi. Kebanyakan guru mengalami emosi apabila berhadapan dengan pelajar OKU. Mereka berasa dilema dengan terlalu mengawal perasaan mereka sama ada kasihan ataupun tidak. Maka, kepelbagaian mekanisme dan pelaksanaan penyampaian akan menjadi mudah apabila mereka saling berkenal-kenalan dan berkongsi perasaan simpati. Oleh sebab itu, menurut Wood (2002) seorang guru atau pendakwah tidak boleh memfokuskan kepada penyampaian ceramah semata-mata tanpa memerhatikan unsur-unsur yang bersifat kejiwaan dan kerohanian dalam membangunkan jiwa dan emosi golongan OKU.



## RUJUKAN

- Ab. Aziz, M. Z. (2009). *Metodologi Dakwah Terhadap Orang Kurang Upaya* (1st ed.).
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah* (3rd ed.). Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Halim Tamuri, Ismail Ibrahim, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Lilia Halim, Zakaria Stapa, Ibrahim Abu Bakar, Ahmad Munawar Ismail, Abrar Idris, Shamsul Shah Tarjo, Shamsul Azhar Yahya, Siti Maheran Ismail@Ibrahim, & Noor Atiqah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah: Kajian tahap pengetahuan Islam dan penghayatan Islam. *2nd International Conference on Islamic Education 2011*, 1–15.
- Ab Aziz Mohd Zin. (2012). Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi s.a.w. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*, 11.
- Abdul Karim, D. (1994). *Keberkesanan Guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Karim, Z. (2001). *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Dewan Pustaka Fajar.
